

PEMBANGUNAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP PEMBELAJARAN *MOBILE*
BERASASKAN PRESTASI (MOBICAD) DALAM KURSUS REKA BENTUK
BERBANTU KOMPUTER (CAD)

IRWAN MAHAZIR BIN ISMAIL

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2015

ABSTRAK

Penyelesaian masalah merupakan elemen yang penting dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV). Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD) merupakan kursus PTV yang memerlukan kemahiran penyelesaian masalah yang baik dan memerlukan bahan pembelajaran yang berkesan seiring perkembangan teknologi terkini. Model Berasaskan Prestasi merupakan model yang dinamik dan sensitif kepada perubahan teknologi. Kajian ini bertujuan membangun dan menguji Prototaip Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi (MobiCAD) dalam kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD) bagi meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah pelajar di politeknik. Kajian ini terbahagi kepada dua fasa, iaitu fasa pembangunan dan fasa penilaian. Bagi fasa pembangunan MobiCAD di bangun menggunakan model ADDIE bagi merancang pembangunan dan mengintegrasikan dua model iaitu Model Berasaskan Prestasi serta Model Penyelesaian Masalah dengan menerapkan teori konstruktivis dan teori pembelajaran *mobile*. Bagi fasa penilaian pula, MobiCAD dinilai dari aspek penyelesaian masalah, aktiviti MobiCAD dan Strategi Berasaskan Prestasi berdasarkan gaya pembelajaran pelajar politeknik dengan menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik, protokol temu bual dan prototaip MobiCAD. Pemilihan sampel dilakukan dengan kaedah rawak berdasarkan gaya pembelajaran pelajar yang terdiri daripada 60 orang pelajar yang mengambil kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer di politeknik. Analisis data yang digunakan ialah statistik deskriptif dan analisis kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan tahap tinggi terhadap penyelesaian masalah, aktiviti dan strategi pembelajaran berasaskan prestasi terhadap kebolegunaan MobiCAD bagi pelajar politeknik. Namun data kualitatif menunjukkan setiap kumpulan mempunyai kecenderungan berbeza bagi memilih aktiviti pembelajaran berdasarkan gaya pembelajaran pelajar. Ini menunjukkan MobiCAD mampu menyediakan bahan pembelajaran yang baik serta pelajar mampu memilih aktiviti yang bersesuaian kepada keperluan pelajar berdasarkan Strategi Berasaskan Prestasi dan meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah pelajar. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penerapan model pembelajaran berasaskan prestasi dan model penyelesaian masalah ke dalam bentuk *mobile*. Bahan sokongan yang dibangunkan terhadap kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD) melalui Menu dan aktiviti *mobile* memberi kesan yang positif dan sesuai bagi diaplikasikan sebagai pembelajaran alternatif kelak. Sumbangan keseluruhan kajian ini adalah terhadap pembangunan prototaip MobiCAD yang membantu meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah pelajar di politeknik dan instrumen kajian.

DEVELOPMENT AND ASSESSMENT OF A PERFORMANCE-BASED MOBILE LEARNING PROTOTYPE (MOBICAD) FOR COMPUTER-AIDED DESIGN(CAD)

ABSTRACT

Problem solving is an important element in Technical And Vocational Education (TVET). Computer-Aided Design (CAD) is a TVET course that requires good problem solving skills and effective learning materials with the latest technology. The Performance-Based model is dynamic and sensitive to changes in technology. The purpose of the study is to develop and evaluate of performance-based development of mobile learning (MobiCAD) in the course of Computer-Aided Design (CAD for enhancing problem solving skills at polytechnic. This study is divided into two parts, which are the development phase and the evaluation phase. For the development phase, the ADDIE model was implemented for the development of MobiCAD prototype. Two models, the Performance-Based Learning model, and a problem-solving model, as well as two learning theories, which are constructivism and the mobile learning theory were also integrated in the development phase. For the evaluation phase, MobiCAD was assessed from the aspects of problem-solving, MobiCAD activities and Performance-Based Strategies that are based on polytechnic students' learning styles. The assessment was conducted via surveys. The instruments used in this study are questionnaires, interview protocols, student performance reports and the MobiCAD software. The sampling is done by a random method based on students' learning styles which consists of 60 students who took a course in computer-based design in polytechnic. The findings showed that Performance-Based Learning activities, strategies, and problem-solving for polytechnic student on MobiCAD achieved a high level. However, the qualitative findings indicated that each group has different tendencies in selecting a learning activity based on their learning styles. In sum, the results show that MobiCAD could be utilized as a learning tool that provides learning content that can be suited to students' learning styles. The findings also indicate that Performance-Based Learning strategies could be implemented in enhancing students' problem-solving skills. The implication of the study shows that the implementation of the performance-based and problem-based model into menu and activity for mobile learning has the potential to be used as an alternative mode of learning. Moreover, this indicates that performance-based learning combined with appropriate learning styles in order to promote optimal learning and learner's problem solving skill. Overall, the study contributes MobiCAD development which can assist in student's problem solving skill and as instrument of survey.

KANDUNGAN

| | | Halaman |
|--------------------------|--|----------------|
| PENGAKUAN | | ii |
| PENGHARGAAN | | iii |
| ABSTRAK | | iv |
| ABSTRACT | | v |
| KANDUNGAN | | vi |
| SENARAI JADUAL | | x |
| SENARAI RAJAH | | xii |
| SENARAI SINGKATAN | | xiv |
| | | |
| BAB I | PENDAHULUAN | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang | 3 |
| 1.3 | Penyataan Masalah | 7 |
| 1.4 | Rasional Pembelajaran <i>Mobile</i> Berasaskan Prestasi | 11 |
| 1.5 | Tujuan Kajian | 14 |
| 1.6 | Objektif Kajian | 14 |
| 1.7 | Persoalan Kajian | 15 |
| 1.8 | Kerangka Konseptual | 15 |
| 1.9 | Kepentingan Kajian | 18 |
| 1.10 | Batasan Kajian | 18 |
| | 1.10.1 Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD) | ..18 |
| | 1.10.2 Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD) | ..18 |
| | 1.10.3 Kekangan Mengakses Maklumat Dari Responden | ..19 |
| | 1.10.4 Kekangan Pengumpulan Data | ..19 |
| 1.11 | Definisi Istilah | 19 |
| | 1.11.1 Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) | 20 |
| | 1.11.2 Pembelajaran <i>mobile</i> | ..20 |
| | 1.11.3 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (<i>Information and Communication Technology</i>) (ICT) | ..20 |
| | 1.11.4 Gaya pembelajaran | ..21 |

| | | |
|----------------|---|------|
| 1.11.5 | Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD) | 21 |
| 1.11.6 | AutoCAD | 21 |
| 1.11.7 | Pembelajaran Berasaskan Prestasi | ..21 |
| 1.11.8 | Kompeten | ..22 |
| 1.11.9 | Pembelajaran sendiri | ..22 |
| 1.11.10 | Pembelajaran kolaboratif | ..22 |
| 1.12 | Rumusan | 22 |
| | | |
| BAB II | KAJIAN KEPUSTAKAAN | |
| 2.1 | Pengenalan | 24 |
| 2.2 | Kerangka Teori | 24 |
| 2.2.1 | Teori Konstruktivis | 25 |
| 2.2.2 | Teori Koole | 26 |
| 2.2.3 | Implikasi kerangka teori <i>mobile</i> terhadap kajian | 29 |
| 2.3 | Kaedah Pembelajaran | 30 |
| 2.3.1 | Pembelajaran demonstrasi | 31 |
| 2.3.2 | Pembelajaran <i>mobile</i> | 33 |
| 2.3.3 | Strategi pembelajaran | 36 |
| 2.3.4 | Implikasi strategi pembelajaran <i>mobile</i> | 38 |
| 2.4 | Implikasi Pembelajaran <i>Mobile</i> dalam CAD Terhadap Kajian | 44 |
| 2.5 | Reka Bentuk dan Pembangunan Pembelajaran <i>Mobile</i> | 45 |
| 2.4.1 | Rasional penyelidikan pembangunan produk | 46 |
| 2.4.2 | Pembangunan menu dan aktiviti <i>mobile</i> | 48 |
| 2.4.3 | Model ADDIE | 47 |
| 2.4.4 | Model Berasaskan Prestasi | 49 |
| 2.4.5 | Model penyelesaian masalah Krulik dan Rudnick | 52 |
| 2.4.6 | Model Honey dan Mumford | 54 |
| 2.4.7 | Pembelajaran sendiri | 58 |
| 2.4.8 | Pembelajaran kolaboratif | 59 |
| 2.4.9 | Implikasi reka bentuk dan pembangunan pembelajaran <i>mobile</i> | 61 |
| 2.6 | Kepentingan Kajian Kebolegunaan | 62 |
| 2.5.1 | Ujian alpha | 63 |
| 2.5.2 | Ujian beta | 63 |
| 2.5.3 | Implikasi ujian kebolegunaan pembelajaran <i>mobile</i> terhadap kajian | 64 |
| 2.6 | Rumusan | 65 |
| | | |
| BAB III | METODOLOGI | |
| 3.1 | Pengenalan | 66 |

| | | |
|---------------|--|-----|
| 3.2 | Fasa Kajian | 66 |
| 3.3 | Fasa Pembangunan Prototaip MobiCAD | 67 |
| | 3.2.1 Fasa analisis | 68 |
| | 3.2.2 Fasa reka bentuk dan pembangunan | 73 |
| 3.4 | Fasa Penilaian Prototaip MobiCAD | 116 |
| 3.5 | Pemilihan Subjek dan Tempat | 119 |
| 3.6 | Instrumen Kajian | 119 |
| | 3.6.1 Soal selidik | 120 |
| | 3.6.2 Protokol temu bual | 133 |
| | 3.6.3 Prototaip bahan Pembelajaran <i>Mobile</i> Berasaskan Prestasi (MobiCAD) | 134 |
| 3.7 | Kajian Rintis | 134 |
| | 3.7.1 Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik | 134 |
| | 3.7.2 Kesahan dan kebolehpercayaan protokol temu bual | 136 |
| 3.8 | Prosedur Mengumpul Data | 137 |
| 3.9 | Prosedur Menganalisis Data | 139 |
| | 3.9.1 Data kuantitatif dan data temu bual | 140 |
| 3.10 | Rumusan | 142 |
| BAB IV | DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 143 |
| 4.2 | Analisis Data | 143 |
| | 4.1.1 Demografi | 143 |
| 4.3 | Kebolegunaan Prototaip MobiCAD dalam Kalangan Pelajar Politeknik | 144 |
| | 4.3.1 Penyelesaian masalah | 145 |
| | 4.3.2 Penggunaan aktiviti-aktiviti MobiCAD | 150 |
| | 4.3.3 Penggunaan Strategi Berasaskan Prestasi | 156 |
| 4.4 | Rumusan | 161 |
| BAB V | PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN | |
| 5.1 | Pengenalan | 162 |
| 5.2 | Ringkasan Kajian | 163 |
| 5.3 | Perbincangan | 166 |
| | 5.3.1 Reka Bentuk Pembelajaran <i>Mobile</i> Berasaskan Prestasi bagi kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer (MobiCAD) | 167 |

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.3.2 | Model dan strategi dalam reka bentuk prototaip Pembelajaran <i>Mobile Berasaskan Prestasi</i> bagi kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer (MobiCAD) | 169 |
| 5.3.3 | Penggunaan prototaip Pembelajaran <i>Mobile Berasaskan Prestasi</i> bagi kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer (MobiCAD) | 171 |
| 5.4 | Implikasi Dapatan Kajian | 176 |
| 5.4.1 | Tahap penyelesaian masalah pelajar bagi kursus CAD dimantapkan | 176 |
| 5.4.2 | Strategi pembelajaran CAD bagi kursus di politeknik dipelbagaikan | 176 |
| 5.4.3 | Bahan pembelajaran kursus CAD di politeknik dipelbagaikan | 177 |
| 5.5 | Sumbangan Kajian | 177 |
| 5.5.1 | Bahan Sokongan Pembelajaran Berbentuk <i>Mobile</i> (MobiCAD) bagi kursus CAD | 177 |
| 5.5.2 | Aplikasi bagi meningkatkan tahap penyelesaian masalah | 177 |
| 5.5.3 | Meningkatkan kualiti pembelajaran di politeknik | 178 |
| 5.5.4 | Aktiviti pembelajaran yang sesuai bagi pelajar politeknik | 178 |
| 5.5.5 | Strategi pembelajaran yang sesuai bagi kurikulum di politeknik | 178 |
| 5.5.6 | Instrumen soal selidik | 179 |
| 5.6 | Cadangan Kajian Lanjutan | 179 |
| 5.6.1 | Membangunkan aplikasi mengikut gaya pembelajaran pelajar | 179 |
| 5.6.2 | Membangunkan aplikasi berdasarkan aktiviti MobiCAD | 179 |
| 5.6.3 | Membangunkan aplikasi bagi kursus lain berdasarkan strategi dan aktiviti MobiCAD | 180 |
| 5.6.4 | Kajian lanjutan melalui kajian keberkesanan MobiCAD | 180 |
| 5.6.5 | Kajian lanjutan bagi mengesahkan Model Berasaskan Prestasi | 180 |
| 5.7 | Kesimpulan | 180 |
| | RUJUKAN | 182 |
| | LAMPIRAN | |

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Halaman |
|------------|--|---------|
| 2.1 | Kaedah demonstrasi mengikut mata pelajaran | 31 |
| 2.2 | Pembelajaran Berasaskan Prestasi menggunakan <i>mobile</i> (EPSS) bagi sektor industri | 51 |
| 3.1 | Kesediaan pelajar menggunakan elemen pembelajaran <i>mobile</i> | 70 |
| 3.2 | Aktiviti bagi MobiCAD | 72 |
| 3.3 | Teori dan model bagi pembangunan MobiCAD | 74 |
| 3.4 | Paparan antara muka utama MobiCAD | 78 |
| 3.5 | Paparan menu utama | 80 |
| 3.6 | Teori <i>Menu Plan</i> | 84 |
| 3.7 | Paparan <i>Menu Plan</i> | 85 |
| 3.8 | Teori <i>Menu Learn</i> | 87 |
| 3.9 | Paparan <i>Menu Learn</i> | 87 |
| 3.10 | Paparan <i>Video</i> | 90 |
| 3.11 | Paparan <i>Online Note</i> | 91 |
| 3.12 | Paparan <i>Offline Note</i> | 93 |
| 3.13 | Paparan <i>Quiz</i> | 95 |
| 3.14 | Paparan <i>Forum</i> | 96 |
| 3.15 | Teori <i>Menu Reflection</i> | 97 |
| 3.16 | Paparan <i>Menu Reflection</i> | 98 |
| 3.17 | Kriteria pemilihan pakar | 104 |
| 3.18 | Format MobiCAD | 105 |
| 3.19 | Grafik MobiCAD | 105 |
| 3.20 | Kandungan MobiCAD | 106 |
| 3.21 | Penyelesaian masalah | 106 |
| 3.22 | Strategi | 107 |
| 3.23 | Ringkasan kontrak ujian alpha | 108 |
| 3.24 | Maklum balas pakar terhadap prototaip MobiCAD | 108 |
| 3.25 | Format MobiCAD | 111 |
| 3.26 | Grafik MobiCAD | 113 |

| | | |
|------|--|-----|
| 3.27 | Kandungan MobiCAD | 113 |
| 3.28 | Penyelesaian masalah | 114 |
| 3.29 | Strategi | 114 |
| 3.30 | Ringkasan ujian beta | 115 |
| 3.31 | Nilai kebolehpercayaan instrumen keperluan dan penerimaan pembelajaran <i>mobile</i> | 121 |
| 3.32 | Nilai kebolehpercayaan instrumen penilaian pembangunan MobiCAD | 125 |
| 3.33 | Nilai kebolehpercayaan instrumen penyelesaian masalah | 127 |
| 3.34 | Nilai kebolehpercayaan instrumen Strategi Pembelajaran Berasaskan Prestasi dan aktiviti-aktiviti MobiCAD | 130 |
| 3.35 | Nilai <i>cronbach alpha</i> bagi soal selidik | 135 |
| 3.36 | Peringkat pelaksanaan prosedur kajian | 138 |
| 3.37 | Prosedur menganalisis data | 139 |
| 3.38 | Kategori bagi interpretasi data | 140 |
| 4.1 | Jenis peranti | 144 |
| 4.2 | Membaca dan memahami kehendak AutoCAD | 145 |
| 4.3 | Meneroka AutoCAD | 146 |
| 4.4 | Merancang dan menyusun pembelajaran AutoCAD | 147 |
| 4.5 | Melaksanakan strategi pembelajaran AutoCAD | 148 |
| 4.6 | Membuat semakan pembelajaran AutoCAD | 149 |
| 4.7 | <i>Video</i> | 151 |
| 4.8 | <i>Online Note</i> | 151 |
| 4.9 | <i>Offline Note</i> | 152 |
| 4.10 | <i>Quiz</i> | 153 |
| 4.11 | <i>Forum</i> | 154 |
| 4.12 | Kecenderungan menggunakan aktiviti pada MobiCAD | 156 |
| 4.13 | <i>Menu Plan</i> | 157 |
| 4.14 | <i>Menu Learn</i> | 158 |
| 4.15 | <i>Menu Reflection</i> | 158 |

SENARAI RAJAH

| No. Rajah | | Halaman |
|-----------|---|---------|
| 1.0 | Gaya pembelajaran pelajar politeknik | 7 |
| 1.1 | Prestasi pelajar politeknik dari Jun 2008 - Disember 2010 | 10 |
| 1.2 | Konseptual kajian | 17 |
| 2.1 | Model Koole | 26 |
| 2.2 | Model ADDIE | 48 |
| 2.3 | Model Berasaskan Prestasi | 50 |
| 2.4 | Gaya pembelajaran Honey dan Mumford | 55 |
| 2.4 | Gaya pembelajaran pelajar politeknik | 57 |
| 3.1 | Fasa analisis | 68 |
| 3.2 | Gaya pembelajaran pelajar politeknik | 71 |
| 3.3 | Fasa reka bentuk dan pembangunan | 73 |
| 3.4 | Format hubungan menu MobiCAD | 76 |
| 3.5 | Antara muka MobiCAD | 77 |
| 3.6 | Paparan antara muka utama MobiCAD | 79 |
| 3.7 | Paparan menu utama | 80 |
| 3.8 | <i>Menu Home</i> | 81 |
| 3.9 | Manual MobiCAD | 82 |
| 3.10 | <i>Menu Log In</i> | 83 |
| 3.11 | Menu tambahan | 84 |
| 3.12 | Paparan <i>Menu Plan</i> | 85 |
| 3.13 | Paparan <i>Menu Learn</i> | 88 |
| 3.14 | Paparan <i>Video</i> | 89 |
| 3.15 | Paparan <i>Online Note</i> | 91 |
| 3.16 | Paparan <i>Offline Note</i> | 92 |
| 3.17 | Paparan <i>Quiz</i> | 94 |
| 3.18 | Paparan <i>Forum</i> | 96 |
| 3.19 | Paparan <i>Menu Reflection</i> | 97 |
| 3.20 | Carta alir penilaian prototaip MobiCAD | 118 |

| | | |
|------|--|-----|
| 3.21 | Proses kesahan dan kebolehpercayaan protokol temu bual | 137 |
| 3.22 | Langkah analisis <i>template</i> | 141 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-----|--|
| P&P | Pengajaran Dan Pembelajaran |
| KPT | Kementerian Pengajian Tinggi |
| MQA | <i>Malaysian Qualification Agency</i> |
| MQF | <i>Malaysian Qualification Framework</i> |
| PBH | Pendidikan Berasaskan Hasil |
| EAC | <i>Engineering Accreditation Council</i> |
| ICT | Information and Communication Technology |
| PTV | Pendidikan Teknikal dan Vokasional |
| IPT | Institut Pengajian Tinggi |
| CAD | Reka Bentuk Berbantu Komputer |
| MBP | Model Berasaskan Prestasi |
| PBP | Pembelajaran Berasaskan Prestasi |

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, pelbagai perkembangan kurikulum dan inovasi telah tercetus dalam usaha mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P). Kualiti P&P ini akan menjadi satu pemangkin ke arah penghasilan pendidikan yang bertaraf dunia. Ini seiring dengan sasaran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) negara bagi mengantarabangsakan pendidikan pengajian tinggi (Sirat & Omar 2008). Dalam usaha menjamin kualiti pendidikan di peringkat pengajian tinggi, semua kurikulum pendidikan pengajian tinggi dipantau dan mengikuti piawaian yang telah ditetapkan oleh MQA (*Malaysian Qualification Agency*) bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kurikulum yang berdasarkan MQF (*Malaysian Qualification Framework*). Oleh itu, setiap pusat pendidikan tinggi perlu menyediakan kurikulum berdasarkan keperluan MQA yang mengamalkan Pendidikan Berasaskan Hasil (PBH).

Suhana et al. (2011) menegaskan bahawa PBH adalah satu bentuk kurikulum yang berfungsi menyediakan gambaran jelas tentang apa yang akan dicapai oleh pelajar, seterusnya penggubalan kurikulum, perubahan teknik, proses P&P serta pada akhirnya melakukan penilaian terhadap pembelajaran yang berlaku. Politeknik merupakan salah satu pusat pengajian tinggi termaktub dengan kurikulum ini. Salah satu teras objektif Agenda Transformasi Politeknik yang dirangka sepanjang tahun 2009 sehingga 2020 adalah pemerksaan warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi (Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia 2010), mendorong pelaksanaan PBH di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang telah dimulakan pada tahun 2010. Selain itu, *Engineering Accreditation Council* (EAC)

Malaysia, telah mengarahkan semua program kejuruteraan mesti mengamalkan dan mengaplikasikan konsep PBH bermula dari tahun 2007 (Abidin et al. 2009).

Joan et al. (2010) serta Aspalilla dan Nin Hayati (2010) melaporkan bahawa mulai Januari 2010, politeknik KPT melaksanakan kurikulum PBH yang telah digubal semula (*curriculum restructuring*). Namun begitu, cabaran politeknik bukan sekadar merealisasikan kandungan kurikulum, tetapi merentasi organisasi, sistem, proses kerja, kepercayaan dan falsafah ke arah prinsip PBH (Joan et al. 2010). Md Nor (2011) berpendapat:

“...dalam usaha untuk mengurus perdana Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional, Jabatan Pengajian Politeknik perlu mengutamakan kesempurnaan tugas, komited untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dan bersedia untuk menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi”.

Dalam usaha menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, penyediaan kaedah penyampaian dan penggunaan bahan pengajaran mestilah bersesuaian berdasarkan kehendak serta keperluan pelajar. Moesby (2004) berpendapat bahawa perlu memilih strategi pengajaran yang sesuai bagi meningkatkan lagi fokus pelajar seta mampu mengimbangi pengetahuan teknikal, kemahiran dan keupayaan pelajar. Kenyataan tersebut disokong oleh Ramlee dan Zaharatul Laili (2008) yang menyatakan strategi pengajaran yang sesuai akan dipengaruhi oleh perubahan zaman, kehendak masyarakat, persekitaran, budaya sekolah, situasi pelajar serta tindak balas pengajar yang mengaplikasikannya. Selain itu pula, Duffy dan Bowe (2010) menyarankan agar bidang pendidikan kejuruteraan perlu berubah dari pembelajaran tradisional (pembelajaran berpusatkan pengajar) kepada pembelajaran berpusatkan pelajar (*student centered learning*) sepanjang menjalani pembelajaran.

Pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan pembelajaran yang memerlukan interaksi dua hala di antara pelajar dan pengajar. Oleh yang demikian, pemilihan kaedah penyampaian yang sesuai haruslah dipertimbangkan serta penggunaan bahan pengajaran yang moden dan canggih sesuai dengan keupayaan pelajar. Pada zaman yang serba pesat membangun ini, penggunaan ICT ini semakin meluas kepada semua golongan. Pembangunan ICT tidak terhad kepada golongan pekerja dan dewasa

sahaja, tetapi kanak-kanak juga tidak ketinggalan dalam mengikut rentak arus globalisasi ini. Teknologi Maklumat (*Information Technology*) atau Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*), (ICT) merupakan teknologi yang diperlukan bagi memindah, menyebarkan dan memaparkan maklumat. Saadiah (2003) berpendapat bahawa ICT merupakan medium yang dapat membantu proses interaksi antara sendiri, selain itu telah merevolusikan persekitaran pembelajaran di seluruh dunia.

Bab ini akan menjelaskan secara ringkas meliputi mengenai belakang kajian, permasalahan kajian, rasional kajian, kerangka konseptual kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian serta definisi istilah. Selain itu, bab ini akan menjadi panduan bagi menyelesaikan permasalahan yang wujud. Penyelesaian masalah kajian ini diharapkan dapat meningkatkan sumbangan ke arah peningkatan kualiti pendidikan khususnya bagi bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) di Malaysia.

1.2 LATAR BELAKANG

Perkembangan teknologi komputer merupakan industri yang paling pesat perkembangannya. Pertembungan di antara perkembangan komputer dan perkembangan *mobile* telah menghasilkan satu perhubungan menarik dan berkesan kepada seluruh pengguna di dunia. Perkembangan penggunaan *mobile* bagi kanak-kanak berumur 6 hingga 11 tahun di Spain telah meningkat dari 43% kepada 82% (Karlson et al. 2008; Vidal & Mota 2008). Tambahan pula, peningkatan penggunaan *mobile* juga menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu sebanyak 98.2% pada 2003 (Wong & Csete 2004). Munguatosha et al. (2011) mendapati bahawa penduduk England berumur 11 hingga 15 tahun, 16 hingga 24 tahun mempunyai peranti *mobile* sendiri iaitu sebanyak 81% dan 96%. Lebih mengagumkan adalah 93% kanak-kanak berusia 6 hingga 9 tahun di US telah mampu mengakses *mobile* pada usia yang muda (Schuler 2009). Pada tahun 2009 didapati bahawa lebih dari separuh penduduk dunia mempunyai *mobile* sendiri (Schuler 2009). Tidak ketinggalan juga, golongan kurang upaya juga didapati mempunyai *mobile* sendiri iaitu sebanyak 93% dan sebanyak 98% orang yang mengalami masalah pendengaran iaitu sebanyak 98% (Falke et al. 2007). Ini menunjukkan penggunaan *mobile* amat penting bagi mendapat maklumat.

Pembelajaran *mobile* merupakan perkembangan baru dalam perkembangan pendidikan di Malaysia. Namun perkembangan pembelajaran *mobile* di negara ini telah berkembang dengan amat pesat sekali seiring dengan kemajuan pendidikan di Malaysia. Perkembangan ini disokong dengan pelaksanaan perkembangan MSC di mana perkembangan Malaysia berada pada fasa gelombang ke-4 iaitu pada fasa ini adalah fasa di mana perkembangan komputer berfungsi bagi memudahkan pembelajaran dan menghasilkan pembelajaran yang berkualiti.

Pembelajaran *mobile* ini dijangkakan dapat meningkatkan keupayaan pembelajaran untuk diaplikasikan terutama bagi tujuan proses pembelajaran. Roschelle et al. (2010); Zurita dan Nussbaum (2007) berpendapat bahawa pembelajaran *mobile* mampu meningkatkan kualiti aktiviti pembelajaran. Selain itu, pembelajaran *mobile* juga didapati mampu membantu proses mengambil nota dan bahan sokongan pembentangan (Anderson et al. 2004; Kam et al. 2005), bahan penilaian formatif (Cortez et al. 2009; Valdivia & Nussbaum 2009), permainan (Spikol & Milrad 2008), simulasi (Yin et al. 2007), dan proses penyelesaian masalah (Looi & Chen 2010; Nussbaum et al. 2009). Oleh itu, pembelajaran *mobile* ini sangat berkesan dan mampu memberi impak yang sangat signifikan terhadap perkembangan pendidikan di Malaysia.

Dengan kemajuan dan kemampuan MSC adalah tidak mustahil bagi menyediakan proses pembelajaran yang konduktif dan menarik. Tambahan pula, berdasarkan ciri-ciri dan kelebihan pembelajaran *mobile* yang membolehkan pelajar belajar di 'mana-mana' dan 'bila-bila' masa akan mencetus satu kaedah pembelajaran yang sangat menarik dan mampu menarik minat pelajar untuk belajar. Namun begitu, adakah sistem pendidikan di Malaysia benar-benar mempertimbangkan kaedah pembelajaran dan mampu mengaplikasikan bahan pembelajaran berdasarkan pembelajaran *mobile*.

Walaupun terdapat kajian menunjukkan perkembangan pembelajaran *mobile* ini, namun masih terdapat pelbagai kekangan seperti saiz skrin yang kecil, keupayaan menyediakan bahan dan kekurangan perkhidmatan tanpa wayar. Tambahan pula,


pembelajaran *mobile* mempunyai batasan dari segi keupayaan tenaga *processor* peranti, memori memproses maklumat, ketahanan bateri dan kaedah menyimpan data serta memasukkan data ke dalam aplikasi pembelajaran *mobile* (Papert & Harel 1991). Pembelajaran *mobile* merupakan teknologi yang baru yang telah tercetus dari perkembangan teknologi yang semakin pesat, adalah tidak mustahil ia mampu membantu meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Pembelajaran *mobile* ini tercetus dari kombinasi e-pembelajaran dan *mobile* komputer yang menyediakan bahan pembelajaran yang mampu dilaksanakan di 'mana-mana' dan 'bila-bila' masa (Tatar et al. 2003). Selain itu, masyarakat umum juga sangat setuju dan telah sedia maklum tentang keupayaan e-pembelajaran menyampaikan pembelajaran.

Kajian Attewell (2005) pembelajaran *mobile* mempunyai pelbagai kelebihan. Antaranya, kaedah ini (i) mampu meningkatkan penguasaan dalam pembelajaran dan mengenal pasti potensi diri, (ii) meningkatkan keupayaan belajar sama ada secara sendiri atau pun secara berkumpulan, (iii) membantu dalam bidang yang diceburi dan membantu dari segi keperluan dan capaian maklumat, (iv) meningkatkan penggunaan ICT dan merapatkan jurang penggunaan telefon mudah-alih, (v) mengurangkan pembelajaran formal dan mewujudkan pengalaman dan menghubungkan pelajar dengan berkesan, serta (vi) membantu pelajar sentiasa fokus dalam masa yang lama. Pembelajaran *mobile* juga telah diaplikasikan dalam bidang lain seperti bidang perubatan, pendidikan dan latihan.

Salah satu contoh penggunaan pembelajaran *mobile* yang berlaku di Kenya iaitu pembelajaran *mobile* digunakan sebagai medium menghantar maklumat dan perkhidmatan latihan bagi pengajar (Traxler 2005). Selain itu, bidang perubatan juga banyak mengaplikasikan pembelajaran *mobile* bagi menyediakan sumber maklumat, prosedur kerja serta latihan bagi jururawat serta menyediakan pengalaman di tempat sebenar kerja (Holzinger et al. 2005). Kajian Hagra et al. (2001) pula, mengaplikasikan pembelajaran *mobile* bagi mengawal simulasi robot bagi tujuan pertanian. Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa pembelajaran *mobile* sangat sesuai untuk diaplikasikan bagi meningkatkan prestasi pelajar dan membantu mempelbagaikan kaedah pembelajaran pelajar.

Tinjauan awal yang dilaksanakan oleh pengkaji, menunjukkan pengajaran di politeknik adalah berpusatkan pengajar. Oleh itu, keadaan ini boleh merencatkan dan membantutkan proses pembelajaran pelajar terutama pelajar yang berada di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Ini adalah kerana pelajar politeknik merupakan pelajar dewasa lebih cenderung secara santai atau fleksibel. Dapatan Vavoula (2005) mendapati pelajar dewasa yang belajar melalui projek *Mobilelearn*, dapat membentuk kerja secara individu, iaitu hampir separuh (49%) melakukan kerja di luar sama ada di pejabat atau di rumah berbanding melakukan kerja di tempat belajar. Selain itu, proses pembelajaran banyak berlaku di luar tempat belajar (21%), aktiviti luar kelas (5%), di rumah rakan (2%), atau tempat bersantai (6%). Selain itu, pembelajaran *mobile* juga mampu mengubah kaedah daripada pembelajaran berpusatkan pengajar kepada pembelajaran berpusatkan pelajar (Holzinger & Motschnik-Pitrik 2005; Motschnig-Pitrik & Holzinger 2002; Rogers et al. 2005) luar dari kelas, seperti melakukan pembelajaran di luar kelas seperti pendedahan di tempat kerja sebenar. Oleh yang demikian, maka perlulah pembelajaran *mobile* diaplikasikan di politeknik bagi meningkatkan prestasi pelajar.

Prestasi atau pencapaian pelajar tidak hanya bergantung kepada kaedah pembelajaran pelajar tetapi juga melibatkan gaya pembelajaran dan bahan pembelajaran yang diaplikasikan semasa proses pembelajaran berlangsung. Pengenalpastian gaya pembelajaran pelajar membolehkan penentuan aktiviti pembelajaran yang sesuai diaplikasikan untuk P&P (Honey & Mumford 2000; Riding & Sadler Smith 1997). Berdasarkan kajian awal yang dijalankan menggunakan soal selidik gaya pembelajaran Honey dan Mumford terhadap 60 orang pelajar politeknik Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah, didapati bahawa pelajar politeknik lebih dominan terhadap domain *activist* iaitu 47% dan domain *theorist* iaitu 32% (Rajah 1.0: Gaya pembelajaran pelajar politeknik). Penerangan lanjut mengenai domain gaya belajar akan dijelaskan dalam bab 2.



Rajah 1.0 Gaya pembelajaran pelajar politeknik

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan Teknik dan Vokasional merupakan bidang pendidikan yang penting dalam usaha untuk bergerak ke arah negara perindustrian yang berteknologi tinggi. Untuk itu, bagi melahirkan tenaga manusia yang mahir, fleksibel dan mudah dilatih pelajar mestilah dapat menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi (Ahmad 2005). Perkembangan yang positif dalam sistem pendidikan negara ini diharapkan mampu menghasilkan tenaga mahir dan pekerja yang berpengetahuan dan tidak ketinggalan dari teknologi terkini. Namun begitu, tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji, menunjukkan bahawa pelajar politeknik akan mengikuti penerangan oleh pengajar dan seterusnya membuat latihan berdasarkan tugas yang diberikan. Ini menunjukkan pengajar di politeknik masih menggunakan kaedah pembelajaran yang berpusatkan pengajar iaitu menggunakan kaedah demonstrasi atau tunjuk cara dalam P&P di politeknik.


Kaedah demonstrasi merupakan kaedah yang diaplikasikan di politeknik bagi mengajar kursus CAD. Namun begitu, kaedah demonstrasi menyukarkan pelajar untuk memahami proses penghasilan lukisan dan mengingati proses kerja yang perlu dilalui di dalam menghasilkan sesuatu objek (Sidek & Alim 2010). Oleh itu, pengkaji juga telah menjalankan kajian awal dengan cara mengedarkan borang soal selidik

gaya pembelajaran Honey dan Mumford terhadap pelajar politeknik bagi menentukan gaya pembelajaran pelajar politeknik. Dapatan kajian awal ini mendapati bahawa pelajar politeknik lebih dominan terhadap gaya pembelajaran *activist* dan gaya pembelajaran *theorist*. Selain itu, Richard (2003) dalam kajiannya menyarankan bagi gaya pembelajaran *activist* aktiviti yang sesuai adalah *brainstorming*, penyelesaian masalah, perbincangan berkumpulan, *puzzle*, pertandingan dan tunjuk cara. Gaya pembelajaran *theorist* pula lebih sesuai mengaplikasikan strategi seperti penggunaan model, statistik, cerita, latar belakang maklumat. Oleh itu, kaedah demonstrasi sahaja bukanlah satu kaedah yang baik bagi mengajar CAD kerana berdasarkan gaya pembelajaran pelajar politeknik mempunyai kecenderungan dengan kaedah lain selain kaedah demonstrasi.

Melalui kajian awal yang dilakukan oleh pengkaji berkaitan pelaksanaan CAD di politeknik, didapati bahawa tidak terdapat modul secara interaktif atau bahan berfokuskan sukatan pelajaran yang boleh dicapai secara dalam talian digunakan di politeknik. Tambahan pula, melalui tinjauan oleh pengkaji dan pengajar di politeknik juga mendapati bahawa pelajar di politeknik hanya belajar berdasarkan modul bercetak atau manual perisian AutoCAD. Selain itu, pelajar hanya menerima pembelajaran secara demonstrasi oleh pengajar. Kenyataan ini disokong oleh Sidek dan Mohd Ariffin (2011) yang mendapati bahawa faktor kekurangan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan pembelajaran CAD juga menjadi masalah kepada pensyarah dan pelajar. Tambahan pula, ketiadaan pautan *Internet* merugikan perkembangan pembelajaran pelajar kerana laman web dapat meningkatkan proses pembentukan maklumat pelajar dan meningkatkan lagi pengetahuan pelajar (Oren 1990). Selain itu, pelajar-pelajar yang belajar menggunakan sistem pengurusan pendidikan (*LMS*) mempunyai kelebihan (Korin-Lustig A. & Lukari 2008) seperti mampu akses kepada bahan pengajaran, komunikasi dengan tenaga pengajar menggunakan akses *Internet*. Oleh itu, pelajar politeknik terpaksa belajar menggunakan modul yang tidak interaktif dalam penyelesaian masalah yang diberi oleh pengajar politeknik.

Berdasarkan kepada analisis dokumen yang dijalankan terhadap prestasi pelajar didapati pelajar mengalami kesukaran dalam penyelesaian masalah bagi kursus CAD. Hal ini merupakan satu perkara yang perlu dipandang serius kerana penyelesaian masalah merupakan keperluan asas (Campbell & Colbeck 1999) bagi seorang jurutera memandangkan politeknik merupakan institusi yang melahirkan golongan jurutera. Selain itu, pelajar politeknik mestilah boleh membaca dan menulis lukisan dengan cekap, kerana semua orang yang berkaitan dengan industri teknikal mestilah mampu membaca atau mentafsir lukisan tanpa teragak-agak (French 1947). Tambahan pula, Sidek dan Mohd Ariffin (2011) menyatakan bahawa kursus CAD adalah kursus yang sukar dan memerlukan masa yang panjang bagi membolehkan pelajar menguasainya, selain itu akan menimbulkan perasan ingin tahu, menguji kebolehan menyelesaikan masalah, membuat keputusan serta berfikiran kreatif dan kritis. Bhavnani et al. (1993) menegaskan bahawa pelajar begitu sibuk melakukan aktiviti pembelajaran dan mempunyai masa yang terhad bagi memperoleh maklumat dan membina pengetahuan berdasarkan kaedah demonstrasi. Holzinger (1997) pula berpendapat bahawa, teknologi mampu meningkatkan motivasi dan yang merupakan aspek penting dalam penyampaian pembelajaran, kaedah penyampaian juga mestilah berkesan bagi meningkatkan proses penyelesaian masalah mengikut keperluan (Sharples 2000; Sharples et al. 2002).

Kesukaran dalam memahami pembelajaran lukisan kejuruteraan telah dibuktikan dengan kadar kegagalan pelajar iaitu sebanyak kira-kira 20% (Garmendia et al. 2007). Rajah 1.1 menunjukkan prestasi pelajar politeknik yang tidak sampai 50% yang mencapai keputusan yang baik disebabkan kesukaran penyelesaian masalah yang ditunjukkan pada Dec 2009 hingga Dec 2010.



Rajah 1.1 Prestasi pelajar politeknik dari Jun 2008 - Disember 2010

Sumber: Unit Peperiksaan Politeknik Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah

Selain itu, Perez Carrion dan Serrano (1998) menyatakan bahawa perkara yang paling sukar adalah bagi memahami maklumat, dan menghasilkan objek tiga dimensi daripada objek dua dimensi daripada kertas. Ini adalah disebabkan kebanyakan daripada mereka gagal untuk memahami konsep yang betul (Sidek & Anoar 2010). Tambahan pula, pelajar CAD yang menyatakan bahawa mereka mempunyai kesukaran tertinggi dalam kursus dalam pembelajaran kerana kurang biasa dengan fungsi perisian dan bukan kerana tidak hadir ke kelas (James et al. 2007). Tambahan pula, keupayaan memindahkan maklumat objek dua dimensi kepada tiga dimensi juga memerlukan pengetahuan berkaitan kod pada perisian (Arnold 1983). CAD adalah pengajaran yang berasaskan kod dan memerlukan kaedah berfikir bagi melakukan penyelesaian (Suwa et al. 1998). Oleh itu, pelajar memerlukan bahan tambahan bagi memahami konsep dan pembelajaran yang lebih produktif bagi mengatasi masalah penyelesaian pelajar di politeknik sekali gus mempelbagaikan kaedah pembelajaran.

1.4 RASIONAL PEMBELAJARAN *MOBILE* BERASASKAN PRESTASI

Malaysia merupakan pengguna kedua terbesar perkhidmatan *mobile* di Asia Tenggara, di belakang Singapura. Hampir setiap pelajar dalam pendidikan tinggi boleh dilihat mempunyai telefon bimbit (Zoraini Wati et al. 2009). Pertumbuhan pembangunan kandungan *mobile* di Malaysia juga didapati amat menggalakkan. Irwan Mahazir dan Norazah (2011) mendapati bahawa pelajar politeknik mempunyai kesediaan yang tinggi dan sederhana terhadap penggunaan telefon mudah alih bagi SMS, membuat panggilan, *bluetooth*, komputer riba, MMS dan kamera. Selain itu, pelajar politeknik juga mempunyai kesediaan yang tinggi dan sederhana dalam mengakses Internet, kalkulator, diari, ramalan cuaca, permainan, maklumat keputusan pembelajaran panggilan video. Pembelajaran *mobile* adalah satu kaedah pembelajaran yang baru di Malaysia. Adakah perkembangan aplikasi *mobile* ini dapat mencetus fenomena sekali gus dapat memberi impak yang signifikan terhadap sektor Pendidikan Teknik dan Vokasional seperti di luar negara? Pembelajaran *mobile* telah lama dijalankan di luar negara bagi pembelajaran bahasa (Kukulka-Hulme & Shield 2008); kaedah pedagogi (Laurillard 2007), latihan dan pendidikan (Keegan 2005).

Pembelajaran *mobile* juga telah diaplikasikan di Asia, sebagai contoh mengaplikasikan Web2.0 (Horng & Horng 2009), aplikasi bahan pembelajaran *mobile* (Vinh et al. 2010) dan pembelajaran dewasa (Panahon Li 2009). Pembelajaran ini juga semakin pesat diguna pakai bagi perkembangan pendidikan di dunia. Negara seperti United Kingdom, German, Ireland, China, merupakan antara negara yang telah berjaya menjalankan pembelajaran *mobile* dengan jayanya. Oleh itu, perkembangan pembelajaran *mobile* di Malaysia dapat meningkatkan kualiti dan mempelbagaikan kaedah pengajaran khususnya bagi Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

Walaupun pembelajaran *mobile* dijalankan bagi beberapa bidang PTV, hanya beberapa kursus sahaja yang terlibat iaitu kursus kimpalan (Chan & Leijten 2012), bagi pendidikan dan latihan (Keegan 2005), bagi kursus lukisan mekanikal (Lipovszki & Molnar 2007) dan kursus kawalan CAD robot (Li et al. 2002). Namun masih belum terdapat kajian berkaitan Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi bagi kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD) yang dibangunkan bagi Pendidikan Teknikal dan Vokasional khususnya di politeknik. Di samping itu, aplikasi pembelajaran *mobile*

terhadap kursus CAD dijangkakan dapat meningkatkan keupayaan pelajar memahami dan menyelesaikan masalah bagi kursus CAD dalam masa yang cepat dan menyediakan keupayaan secara *online* dan pelajar boleh belajar di 'mana-mana' dan 'bila-bila' masa.

Pembelajaran *mobile* adalah pembelajaran yang dilakukan menggunakan capaian maklumat menggunakan peranti yang mampu bergerak melalui aktiviti pembelajaran yang boleh diakses di 'mana-mana' dan 'bila-bila' masa (Kukulska-Hulme et al. 2007). Selain itu, Sharples (2006) menyatakan pembelajaran *mobile* merupakan pembelajaran yang berlaku sekiranya teknologi *mobile* dapat digunakan oleh pelajar di 'mana-mana'. Trifanova et al. (2004) pula mendefinisikan bahawa pembelajaran *mobile* merupakan sebarang peranti kecil yang mampu digunakan di 'mana-mana' dan 'bila-bila' masa.

Hal ini menunjukkan bahawa pembelajaran *mobile* mampu membantu pelajar itu mencapai maklumat dengan lebih mudah dan pelajar boleh belajar di 'mana-mana'. Namun bahan pembelajaran *mobile* yang dibangunkan mestilah dibangunkan secara teratur dan terancang supaya menepati kriteria dan keperluan pelajar seperti penerapan strategi dan aktiviti yang sesuai bagi membantu penyelesaian masalah pelajar dan sekali gus meningkatkan prestasi pelajar. Pfeffer dan Sutton (1999) berpendapat bahawa kebanyakan pengajar hanya memfokuskan bagaimana untuk menyampaikan maklumat tetapi tidak memberi fokus terhadap prestasi pelajar. Oleh itu, bagi meningkatkan prestasi pelajar, Model Berasaskan Prestasi (MBP) sangat relevan untuk dipertimbangkan terhadap pembelajaran *mobile* yang akan dibangunkan. MBP ini merupakan model pembelajaran yang amat sesuai bagi di inovasi dengan aplikasi ICT.

Pembelajaran Berasaskan Prestasi telah mula dibangunkan oleh Gery pada tahun 1990 yang menggunakan peranti elektronik sebagai bahan sokongan bagi meningkatkan prestasi pengguna. Menurut Gery (1991), Pembelajaran Berasaskan Prestasi adalah pembelajaran yang terdiri dari pada 3K iaitu Kompeten, Kos dan Kesan. Kompeten adalah menyediakan pembelajaran yang cepat iaitu proses menyediakan pelajar novis kepada pelajar terlatih dalam tempoh masa yang singkat. Manakala kos pula adalah merujuk kepada pengurangan kos bagi menyediakan proses

pembelajaran, penyediaan bahan pembelajaran dan merujuk kepada penyediaan latihan.

Kesan pula merujuk kepada kualiti keluaran dihasilkan setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, PTV juga telah banyak mengaplikasikan latihan secara tidak formal oleh majikan bagi menyediakan pekerja yang terlatih (Tessaring & Wannan 2010). Seperti mana yang telah diketahui proses P&P yang berkesan memerlukan pelbagai kaedah dan pendekatan. Namun proses pembelajaran berlaku secara dasar dan tidak mementingkan kefahaman pelajar serta para pelajar tidak benar-benar menguasai kemahiran yang dipelajari. Oleh itu, pembelajaran *mobile* Berasaskan Prestasi amat penting dilaksanakan bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran ini mampu memberi manfaat terhadap pelajar sekali gus mempelbagaikan kaedah alternatif bagi meningkatkan prestasi pelajar dalam PTV di Malaysia.

Pembangunan pembelajaran *mobile* berdasarkan MBP mestilah menekankan tiga elemen iaitu kompeten, kos dan kesan. Bahan pembelajaran *mobile* ini akan dibangunkan menggunakan tapak sistem pengurusan kandungan (*CMS*) sebagai ruangan pelajar mengakses maklumat. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang dibangunkan adalah berdasarkan gaya pembelajaran pelajar dan kesediaan pelajar diharapkan mampu meningkatkan keupayaan pelajar menyelesaikan masalah seterusnya meningkatkan prestasi pelajar. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini dapat mengetahui kebolegunaan pembelajaran *mobile* sebagai bahan sokongan pelajar politeknik bagi kursus CAD.

Bagi memastikan kualiti kursus CAD, pelajar perlulah boleh memahami tugas sebelum menyelesaikan tugas yang diberi. Ini adalah bertepatan dengan ciri kompeten iaitu proses latihan atau pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran di sesuatu populasi (Wolf 1995). Ini menunjukkan pelajar memerlukan latihan yang intensif supaya mampu menguasai pembelajaran dengan cepat. Namun demikian, kekurangan sumber maklumat juga menyukarkan pelajar untuk menyelesaikan tugas. Selain itu, bahan pembelajaran yang diaplikasikan juga didapati kurang membantu pelajar dan lebih bersifat nota kuliah. Keadaan ini menyukarkan pelajar bagi untuk menyelesaikan tugas dengan baik. Tambahan pula, penyediaan bahan

pembelajaran yang mengikut kehendak pelajar juga memerlukan kos tinggi. Oleh itu, Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi diharapkan mampu mengatasi permasalahan ini sekali gus meningkatkan keupayaan pelajar menyelesaikan masalah. Diharapkan dengan menerapkan model Pembelajaran Berasaskan Prestasi mampu meningkatkan keupayaan pelajar bagi kursus CAD di politeknik.

Oleh itu, pengkaji perlu mereka bentuk prototaip Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi bagi kursus CAD di politeknik. Seterusnya prototaip yang dibangunkan ini diharapkan dapat mengatasi permasalahan yang wujud seiring dengan persekitaran politeknik. Selain itu, pengkaji juga dapat mengenal pasti kebolegunaan prototaip ini berdasarkan strategi yang diaplikasikan. Kekuatan kajian ini dijangkakan mampu menyumbang kepada proses P&P pelajar, pengajar dan institusi yang bakal mengaplikasikan pembelajaran *mobile* kelak.

1.5 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk membangunkan prototaip Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi (*MobiCAD*) bagi kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD) di politeknik. Kajian ini juga akan menilai kebolegunaan Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi (*MobiCAD*) bagi kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD) dari aspek penyelesaian masalah, aktiviti dan strategi Pembelajaran Berasaskan Prestasi pelajar politeknik.

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Untuk mencapai tujuan kajian, beberapa objektif telah dibina seperti di bawah:

1. mereka bentuk prototaip Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi bagi kursus Reka bentuk Berbantu Komputer (*MobiCAD*) di politeknik.
2. membangunkan prototaip Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi bagi kursus Reka bentuk Berbantu Komputer (*MobiCAD*) di politeknik.

3. menilai kebolegunaan prototaip Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi bagi kursus Reka bentuk Berbantu Komputer (*MobiCAD*) dalam kalangan pelajar politeknik dari aspek:
 - a. penyelesaian masalah
 - b. penggunaan aktiviti-aktiviti *MobiCAD*
 - c. penggunaan Strategi Berasaskan Prestasi

1.7 PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai dan memastikan orientasi kajian ini, berikut merupakan persoalan yang dibangunkan bagi menjadi panduan:

1. Bagaimanakah prototaip Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi bagi kursus Reka bentuk Berbantu Komputer (*MobiCAD*) direka bentuk?
2. Bagaimanakah reka bentuk prototaip Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi bagi kursus Reka bentuk Berbantu Komputer (*MobiCAD*) dari aspek:
 - a. model?
 - b. strategi ?
3. Apakah tahap penggunaan prototaip Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi bagi kursus Reka bentuk Berbantu Komputer (*MobiCAD*) dalam kalangan pelajar politeknik dari aspek:
 - a. penyelesaian masalah?
 - b. penggunaan aktiviti-aktiviti *MobiCAD* ?
 - c. penggunaan Strategi Berasaskan Prestasi?

1.8 KERANGKA KONSEPTUAL

Pembangunan bahan pembelajaran *mobile* yang dikenali sebagai *MobiCAD* merupakan satu proses yang memerlukan perancangan dan perlu memenuhi kehendak serta keperluan pengguna yang bakal menggunakan bahan ini. Bagi memastikan bahan pembelajaran *mobile* yang dibangunkan bermutu tinggi dan berkualiti seperti yang diharapkan perancangan yang terperinci dan sistematik perlu diberi penekanan


dijelaskan pada kerangka konseptual kajian. Rajah 1.3 menunjukkan konseptual kajian.

Bagi proses pembangunan kajian ini, pengkaji menggunakan model ADDIE sebagai panduan pembangunan reka bentuk penghasilan bahan pembelajaran *mobile* ini. Model ini mempunyai lima peringkat yang utama iaitu peringkat analisis, reka bentuk dan pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Pembangunan pembelajaran *mobile* bermula dengan fasa analisis iaitu proses menentukan keperluan pelajar, menentukan objektif serta tajuk, menentukan gaya pembelajaran pelajar serta kesediaan pelajar bagi mengaplikasikan pembelajaran *mobile*. Selain itu, soal-selidik pelajar, membuat kajian kepustakaan dan membuat rujukan sukatan kandungan CAD.

Seterusnya dalam peringkat kedua, melibatkan proses reka bentuk dan fasa ketiga ialah pembangunan prototaip, pengkaji mereka bentuk dan membangunkan prototaip berdasarkan elemen model Berasaskan Prestasi dan model penyelesaian masalah Krulik & Rudnick (1996) dan model Koole (elemen *mobile*) yang di terapkan melalui menu dan aktiviti pembelajaran bagi MobiCAD. Dalam fasa ketiga, pembangunan teori *mobile* dan teori konstruktivis diaplikasikan seperti yang dirancang dalam fasa dua. Reka bentuk ini bagi memastikan prototaip ini menjadi bahan sokongan pembelajaran yang mampu meningkatkan keupayaan pelajar menyelesaikan masalah bagi kursus CAD. Prototaip MobiCAD seterusnya akan melalui proses ujian alpha dan ujian beta sebelum dijalankan ujian kebolegunaan. Ujian alpha adalah ujian terhadap pengesahan pakar berkaitan kandungan kursus CAD dan elemen ICT. Ujian beta pula merujuk kepada penilaian oleh pelajar yang mempunyai keupayaan yang setara di politeknik yang mengambil kursus CAD.

Setelah selesai fasa pembangunan, pengkaji menilai sejauh mana kebolegunaan MobiCAD yang dibangunkan. Dalam fasa pelaksanaan dan penilaian ini, pengkaji melakukan penilaian melalui tinjauan. Dalam kajian ini akan melihat kebolegunaan MobiCAD dari dua kumpulan gaya pembelajaran pelajar iaitu gaya pembelajaran sendiri dan gaya pembelajaran kolaboratif. Penilaian ini dilakukan melihat kebolegunaan MobiCAD terhadap aspek penyelesaian masalah, aktiviti dan

Strategi Berasaskan Prestasi seperti pada konseptual kajian. Rajah 1.2 menunjukkan konseptual kajian.



Rajah 1.2 Konseptual kajian

1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan akan melihat sejauh mana kebolegunaan Pembelajaran *Mobile* Berasaskan Prestasi (*MobiCAD*) dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD). Kajian ini juga dapat membantu menentukan aktiviti pembelajaran, pendekatan dan bentuk kandungan yang perlu diintegrasikan bagi pembelajaran *mobile* khususnya untuk membantu pelajar PTV menyelesaikan masalah ketika belajar kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD). Kajian ini juga akan memberi manfaat kepada pendidik atau pengajar Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD) tentang kebaikan penggunaan pembelajaran *mobile* dalam meningkatkan prestasi pelajar. Seterusnya ianya memberi sumbangan yang besar terhadap institusi pengajian tinggi iaitu politeknik serta bidang PTV.

1.10 BATASAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian, adalah mustahil bagi seseorang pengkaji menjalankan kajian tanpa batasan atau skop kajian. Ini kerana setiap pengkaji mempunyai kekangan sama ada dari segi masa serta kewangan. Berikut merupakan batasan kajian ini:

1.10.1 Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD)

Kajian ini hanya memfokuskan bagi pembangunan *MobiCAD* bagi kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD) kerana pelajar mempunyai masalah untuk melakukan penyelesaian dalam kursus Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD). Penilaian kebolegunaan *MobiCAD* hanya dilakukan pada fasa kedua bagi menilai kebolegunaan *MobiCAD* terhadap aspek penyelesaian masalah, aktiviti dan Strategi Berasaskan Prestasi.

1.10.2 Reka Bentuk Berbantu Komputer (CAD)

Kajian pembangunan produk merupakan kajian yang dijalankan dengan membangunkan produk berdasarkan analisa keperluan di populasi kajian. Pembangunan produk ini dibangunkan mengikut keperluan dan kehendak persekitaran kajian sahaja hanya boleh diaplikasikan pada tempat yang mempunyai persekitaran yang sama sahaja. Pengkaji terpaksa menentukan kesesuaian *platform* dan

menentukan aktiviti yang sesuai bagi diterapkan ke dalam pembangunan produk. Selain itu, pengkaji mestilah memilihkan *font* dan saiz yang bersesuaian supaya dapat di capai melalui peralatan *mobile* yang pelbagai mengikut definisi pembelajaran *mobile* bagi kajian ini.

1.10.3 Kekangan Mengakses Maklumat Dari Responden

